



SIARAN MEDIA

JABATAN LANDSKAP NEGARA LAKSANA TINDAKAN SEGERA TANGANI LIMPAHAN AIR DI TTDI

PUTRAJAYA, 25 Februari 2026 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengambil maklum akan sebuah video yang tular di platform Instagram melalui akaun **@timo_ong** pada **24 Februari 2026**. Video tersebut membangkitkan kritikan terhadap projek pembangunan yang dilaksanakan oleh Jabatan Landskap Negara (JLN) dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya (JKR) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur selaku agensi pelaksana di **Jalan Abang Haji Openg, Taman Tun Dr. Ismail (TTDI)** yang didakwa menjadi punca kejadian banjir berulang di kawasan sekitar.

KPKT melalui JLN memandang serius insiden yang berlaku pada 22 Februari 2026 tersebut. Sehubungan itu, tindakan teknikal serta-merta telah diambil bersama JKR Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi **Projek Menyiapkan Baki Kerja Pembangunan Zon Pentadbiran Taman Persekutuan Bukit Kiara, Kuala Lumpur – Fasa 1B. Projek ini dijangka siap sepenuhnya pada 5 Julai 2027.**

Siasatan awal mendapati limpahan air berpunca daripada gabungan faktor **hujan luar jangka, kapasiti aliran longkang awam yang terjejas serta aliran air larian permukaan** dari kawasan pembinaan Zon Pentadbiran Taman Persekutuan Bukit Kiara yang dibangunkan oleh JLN.

Pasukan teknikal JKR telah melaksanakan audit lapangan menyeluruh dan mengenal pasti beberapa penambahbaikan kritikal yang kini sedang dilaksanakan, iaitu:

- i. **Menaik taraf kolam takungan sementara (*silt trap*)** bagi meningkatkan kapasiti tampungan air hujan;

- ii. **Pembersihan mendapan kelodak** di longkang awam yang terjejas;
- iii. **Pemeriksaan serta penyelenggaraan sistem saluran sementara** dalam tapak secara berkala;
- iv. **Pemasangan struktur kawalan hakisan dan kelodak tambahan** bagi memperlancarkan aliran air permukaan; dan
- v. **Penyelarasan semula pengurusan aliran air ke titik keluar (outfall)**.

Siasatan turut mendapati **utiliti paip merentasi longkang awam telah mengurangkan kapasiti hidraulik aliran** dan menyumbang kepada limpahan setempat. Kerja pembaikan dan penyelenggaraan kini sedang dijalankan secara berterusan.

Sebagai langkah pencegahan, pemantauan rapi turut dilaksanakan terhadap **kestabilan cerun, struktur penahan tanah serta keselamatan infrastruktur berhampiran** bagi memastikan tiada risiko kepada penduduk sekitar.

JKR juga sedang mengkaji semula **keupayaan sistem kawalan hakisan dan kelodak (ESCP)** supaya mampu menampung kejadian hujan ekstrem melebihi parameter reka bentuk asal.

JLN menghargai maklum balas penduduk dan memohon maaf atas kesulitan yang dialami sepanjang tempoh pembinaan. Perkembangan lanjut akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity
#RancarkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLAN Malaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

